

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.11.2015

Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan paras hutang isi rumah rakyat Malaysia berdasarkan pecahan hutang yang dibuat dari tahun 2014 sehingga kini. Adakah hutang isi rumah rakyat Malaysia berpotensi melebihi nilai KDNK negara dalam tempoh jangka masa lima tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedudukan terkini paras hutang isi rumah rakyat Malaysia ialah

sebanyak 88.1% daripada KDNK pada akhir Ogos 2015. Walaupun jumlah hutang isi rumah meningkat, peningkatannya adalah pada kadar yang semakin perlahan berikutan langkah kehematan makro dan fiskal yang telah diambil oleh pihak Kerajaan serta amalan pengurusan kredit yang berhemat oleh institusi pemberi pinjaman. Sehingga bulan Ogos 2015, pertumbuhan hutang isi rumah ialah sebanyak 7.9%, berbanding 9.4% pada akhir tahun 2014 dan 12.2% pada tahun 2013.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras hutang isi rumah dijangka kekal tinggi dalam beberapa tahun akan datang memandangkan permintaan berterusan bagi pembiayaan untuk pembelian rumah kediaman dan kenderaan bermotor, memandangkan populasi Malaysia yang secara relatif lebih muda dan tahap pendapatan yang semakin meningkat. Lebih kurang 60% daripada hutang isi rumah adalah untuk tujuan perumahan dan pengumpulan aset selaras dengan golongan pekerja yang lebih muda dan lebih berkemampuan. Selain itu, keupayaan membayar balik hutang isi rumah kekal mampan dengan nisbah pinjaman terjejas terus kekal rendah dan stabil pada 1.1%. Aset kewangan isi rumah juga kekal stabil sebanyak dua kali lebih daripada hutang. Manakala, hasil

daripada pengukuran amalan pengurusan kredit dan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman, kualiti peminjaman baharu isi rumah juga bertambah baik.